

Rafidah: Sistem penyelarasan diperkemas

KEMENTERIAN Perusahaan Awam sedang giat memperkukuhkan sistem pengesanan, penyelarasan dan penilaian dengan menggunakan komputer di Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Nege-ri, anak-anak syarikatnya dan agensi-agensi di bawah kementerian itu.

Menteri berkenaan, Datin Paduka Rafidah Aziz, ketika mengumumkan demikian berkata, bagi membolehkan usaha ini dijalankan dengan jayanya, kementeriannya akan mengemaskinkan

PULAU PINANG, Isnin

semua maklumat mengikut petunjuk-petunjuk tertentu untuk mengesan, menyelarasi di samping menilai prestasi yang dicapai oleh semua PKEN serta anak-anak syarikatnya supaya dapat mengkaji dengan lebih berkesan peranan mereka dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

"Maklumat dan peniliran ini sangat penting dan diperlukan oleh kementerian ini, terutamanya untuk memberi maklum-balas kepada kerajaan tentang tahap prestasi setiap PKEN.

"Sebagai permulaan, kementerian telah pun memajukan kepada semua PKEN format-format yang berkenaan," katanya ketika berucap merasmikan mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan PKEN di sebuah hotel terkemuka di sini, hari ini.

Menurutnya, beliau dimaklumkan setengah-setengah PKEN menghadapi kesulitan mendapatkan maklumat yang dikehendaki kerana ketiadaan sistem yang kemaskini di pihak PKEN.

Perkara ini sangat membimbangkan kementerian ini dan untuk mengatasinya beliau mengesyorkan PKEN mengambil beberapa langkah antaranya:

● Mengadakan sistem maklum-balas yang terperinci bagi semua anak syarikat PKEN.

Kementerian mendapati ada beberapa PKEN mempunyai pelaburan dalam beberapa buah syarikat tetapi tidak memperoleh maklumat sepenuhnya dari syarikat tersebut.

● PKEN hendaklah menyusuli dengan teliti perkembangan syarikat itu serta menimbang sama ada perlu atau tidak diteruskan pelaburan PKEN itu.

● Menyediakan laporan bagi semua projek yang sedang dijalankan pada tiap-tiap bulan untuk perhatian dan makluman ahli lembaga pengarah dan juga kepada 'pihak saya sendiri' — kementerian.

Beliau memberitahu, buat masa ini kementerian menghadapi kesukaran dalam menentukan dengan tepat prestasi kesemua anak-anak syarikat PKEN kerana ada di antara PKEN yang tidak dapat menyampaikan maklumat-maklumat yang dikehendaki kepada kementerian itu.

Kelemahan

"Ini merupakan satu kelemahan di pihak pengurusan PKEN dan saya berharap kelemahan ini akan dapat diperbetulkan oleh kerana tanpa pengesanan yang tepat dan kemaskini, kerajaan tidak akan mendapat gambaran sepenuhnya tentang prestasi PKEN," katanya.

Beliau mengesyorkan supaya PKEN menyediakan profil perbelanjaan semua anak syarikatnya dan mengemaskinkan data pada tiap-tiap bulan.

Datin Paduka Rafidah memberitahu, laporan terakhir yang dibuat kepada kementeriannya sehingga hari ini didapati semua PKEN telah melabur \$564 juta dalam 321 syarikat termasuk 21 yang belum lagi memulakan operasi.

Beliau juga menggesa PKEN meneruskan usaha-usaha konsolidasinya bukan sahaja dari segi menilai dan meneliti usaha-usaha yang sedang dijalankan tetapi juga membuat penelitian ke atas bidang-bidang perusahaan yang dicadangkan.

"Ini bermakna semua penyertaan PKEN dalam syarikat-syarikat berkenaan perlulah sentiasa dikaji supaya dapat menentukan masa depan syarikat berkenaan sama ada akan diteruskan ataupun diberhentikan," ujar beliau.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia